

Sebahagian daripada pelajar USIM yang menyertai program lawatan ke PPUKM dan Jabatan Kimia Malaysia.



info

Lawatan dalami ilmu sains forensik

Nilai: Seramai 70 pelajar Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Undang-Undang dengan Kepujian, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), mengadakan lawatan ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) dan Jabatan Kimia Malaysia, baru-baru ini.

Program dua hari itu bertujuan membolehkan

peserta mendalami ilmu berkaitan sains forensik yang merupakan antara bidang penting kini, terutama dalam proses pembuktian dari sudut undang-undang.

Pensyarah Kanan Fakulti Syariah dan Undang-Undang USIM, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata pelajar berpeluang menyaksikan sesi bedah siasat

mayat, selain diberi pendedahan mengenai pelbagai kejadian jenayah seperti pembunuhan, rompakan, rogol dan serangan asid.

Selesaikan masalah

“Mereka juga diberi pendedahan proses pengesahan suatu bahan bukti seperti dokumen, bahan fizikal, ujian asid deoksiribonukleik (DNA)

dan dadah,” katanya.

Beliau berkata, sains forensik dapat membantu menyelesaikan banyak masalah berkaitan perundangan melalui penggunaan teknologi moden dan ujian saintifik.

Katanya, bidang itu mengaplikasikan ilmu pengetahuan fizik, kimia dan biologi untuk menemu-mukan jawapan kepada

permasalahan timbul dalam suatu kes yang dibawa ke mahkamah.

“Bidang sains forensik memberikan keputusan tepat dan jitu dalam analisis dijalankan bagi membantu agensi penguatkuasaan, sekali gus menyumbang kepada ketenteraman serta kesejahteraan awam di negara ini,” katanya.

Sains forensik

→ **Kepakaran** mencakupi aspek pemprosesan tempat kejadian, pemilihan bahan bukti penting, pemprosesan dan pentafsiran bahan bukti, membuat draf laporan dan mengemukakan laporan di mahkamah.

→ **Graduan** boleh menceburi kerjaya penguatkuasaan seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Kementerian Kesihatan, selain bertugas di pelbagai agensi kerajaan dan sektor swasta.

→ **Lulusan** berkecualan perlu mendaftar sebagai ahli Institut Kimia Malaysia (IKM) supaya tandatangan diiktiraf oleh mahkamah di negara ini.